

Garis Panduan Skim Pelajar Bekerja (SPB) UMP Bergaji Hari

1. Kelayakan

- a) Skim ini ditawarkan kepada pelajar-pelajar yang berdaftar di UMP. Ianya terbuka kepada semua pelajar termasuk pelajar luar negara. Kaedah pembayaran upah adalah berdasarkan gaji hari.

2. Permohonan

- a) Pelajar yang ingin memohon perlu mengisi borang Skim Pelajar Bekerja (SPB). Borang tersebut (**UMP.JPI.SP(B).2013**) boleh diperolehi di Jabatan Penyelidikan & Inovasi (JP&I) atau dimuat turun menerusi portal rasmi JP&I . Pemohon perlu mendapat sokongan Ketua Projek Penyelidikan, Penyelia dan juga pengesahan Dekan fakulti pelajar berdaftar dan kelulusan dari Jabatan Penyelidikan dan Inovasi.
- b) Ketua projek perlu memastikan baki peruntukan (Vot11000) untuk melantik SPB berkenaan adalah mencukupi dan telah diminta semasa mengemukakan cadangan penyelidikan.
- c) Calon yang dilantik di bawah skim ini perlu mengambil perhatian bahawa pelajaran merupakan yang paling utama. Sebarang kemungkinan kejatuhan prestasi pelajaran adalah merupakan tanggungjawab calon dan calon tidak boleh menyalahkan mana-mana pihak di atas kejatuhan prestasi pelajaran.

3. Elaun Bulanan

- a) Penetapan kadar elaun adalah berdasarkan kepada kelulusan yang diperolehi oleh seseorang pelajar berkenaan. Kadar elaun yang layak dibayar adalah seperti berikut:

KELULUSAN	ELAUN SEJAM (RM)
SPM	3.00
STPM	3.30
DIPLOMA	4.15
IJAZAH SARJANA MUDA	5.50
SARJANA	7.00

- b) Kadar maksimum yang dibenarkan untuk seseorang pelajar bekerja di bawah skim ini adalah 8 jam / sehari sahaja. Walaubagaimanapun,

bagi pelajar yang masih bertanggungjawab terhadap pelajarannya dan masih mengikuti kelas maka kadar ini tidak mungkin boleh dicapai kecuali pada masa cuti semester atau pada waktu-waktu tiada kelas.

- c) Semua bayaran upah/elaun Pembantu Penyelidik akan diproses berdasarkan borang tuntutan elaun Pelajar yang disahkan oleh Ketua Projek Penyelidikan dan Jabatan Penyelidikan dan Inovasi). Borang tersebut perlu dihantar ke JP&I untuk kelulusan **sebelum 5 hb pada bulan berikutnya** bagi proses pembayaran di peringkat Jabatan Bendahari . Borang Tuntutan upah/elaun Pelajar **UMP.JPI.SPB(T)/13** boleh didapati di Pejabat JP&I atau dimuat turun melalui portal rasmi JP&I.

4. Peruntukan

- a) Elaun bulanan ini dibayar daripada vot geran penyelidikan (Vot11000) geran penyelidikan luar Ketua Projek berkaitan.
- b) Peruntukan daripada geran luar dan dalam boleh digunakan untuk skim ini

5. Kemudahan

- a) Pelajar tidak layak menerima apa-apa kemudahan atau keistimewaan sebagaimana yang diberikan kepada kakitangan lantikan tetap UMP.

6. Tempoh Lantikan & Lanjutan

- a) Lantikan skim ini adalah mengikut tempoh projek atau baki yang mencukupi atau yang mana terlebih dahulu. Pelajar boleh memperbaharui/melanjutkan skim ini dengan mendapat sokongan Ketua Projek, Penyelia dan Pengarah JP&I. Permohonan boleh dibuat dengan mengisi Borang Permohonan Lanjutan Skim Pelajar(Borang UMP.TRPI.SPPS/SPB(L)/13).

8. Bidang Tugas

- a) Pelajar yang mengikuti skim ini adalah diperlukan membantu pensyarah menjalankan kerja-kerja yang berkaitan dengan penyelidikan

9. Kemudahan Perubatan

- a) Pelajar tidak akan diberi kemudahan-kemudahan perubatan seperti yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan perubatan bagi kakitangan Universiti Malaysia Pahang. Pihak berkuasa yang melantik

juga tidak akan membayar sebarang bil-bil perkhidmatan perubatan yang didapati oleh pelajar dari mana-mana klinik atau hospital.

10. Penamatan Pelantikan

Khidmat SPB boleh ditamatkan apabila :

- a) Digugurkan daripada pengajian.
- b) Tempoh penyelidikan telah tamat atau amaun geran penyelidikan tidak mencukupi
- c) JP&I atas nasihat Ketua Projek boleh menamatkan khidmat pelajar apabila didapati prestasi pelajar itu tidak memuaskan.
- d) Sekiranya Pelajar itu sendiri ingin menamatkan perkhidmatan sebagai SPB pelajar tersebut perlulah memberi 14 hari notis bertulis yang disahkan oleh Ketua Projek kepada Jabatan Penyelidikan & Inovasi.

11. Tatatertib dan kelakuan

- a) Sepanjang lantikan, Pelajar juga adalah tertakluk kepada Perlembagaan Universiti dan segala Statut, Akta, Peraturan-peraturan dan Kaedah-kaedah yang berkuatkuasa di Universiti ini dan kepada Arahan-arahan Pentadbiran yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Universiti dari semasa ke semasa.